



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



KENYATAAN MEDIA

SEMPENA LAWATAN YB MENTERI KE KILANG MAKANAN TERNAKAN

CHAROEN POKHPAND (CP), TANJUNG LANGSAT, JOHOR.

4 MAC 2016 (JUMAAT)

1. Pengeluaran tanaman alternatif tempatan: MOA akan mengenal pasti produk-produk yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai pengganti, di mana pelaburan dan dasar-dasar akan menjurus untuk meningkatkan pengeluaran domestik produk-produk ini.
2. Dalam kes makanan haiwan, import telah berkembang dengan ketara daripada RM5.1 bilion pada 2010 kepada RM7.5 bilion pada tahun 2014 terutama jagung dan kacang soya. Satu program khas dengan rakan strategik untuk memupuk jagung bijirin untuk makanan haiwan akan dilaksanakan di kawasan yang mempunyai keadaan iklim yang sama seperti Mindanao, di mana jagung telah berjaya ditanam; sebagai langkah untuk mengurangkan pergantungan kepada jagung diimport.
3. MARDI telah melaksanakan banyak kajian berkaitan dengan makanan ternakan khususnya dalam pengeluaran jagung bijirin dan beras khusus untuk makanan ternakan. Kajian yang dilaksanakan oleh MARDI mendapati pengeluaran jagung bijirin untuk makanan ternakan adalah diantara 4-8 tan sehektar. Namun begitu, kos pengeluaran jagung bijirin masih tinggi dan kurang berdaya saing berbanding dengan jagung bijirin yang diimport. Kos pengeluaran yang tinggi adalah disebabkan oleh tiada skel ekonomi (kawasan pengeluaran yang kecil), kos baja dan pengeringan yang tinggi. Cuaca yang lembab di Malaysia memerlukan kaedah pengeringan selepas jagung dituai, berbanding di negara temperate yang membolehkan buah jagung mengering di pokok.

4. MARDI akan menilai potensi pengeluaran beberapa varieti baru jagung bijirin seperti Varieti 888. MARDI juga akan menilai kesesuaian penanaman jagung GM di Malaysia. Beberapa kaedah pengeluaran seperti menggunakan sistem fertigasi juga akan dijalankan dalam masa terdekat.
5. Selain itu, pertimbangan khas akan diberikan untuk memperkenalkan beras untuk makanan ternakan sebagai salah satu komponen dalam formulasi makanan haiwan . Beras untuk makanan ternakan ini akan dikeluarkan di kawasan luar jelapang utama padi. Dalam hubungan ini MARDI telah menghasilkan benih padi untuk makanan ternakan iaitu Padi MR 288. Padi ini akan dilancarkan pada tahun ini.
6. Jabatan Pertanian turut bekerjasama dengan pihak swasta, syarikat Green World Genetic di Terengganu untuk melaksanakan percubaan mengenalpasti varieti jagung bijirin yang sesuai sebagai bahan mentah makanan ternakan. 2 jenis varieti didapati berpotensi dikembangkan di kalangan agropreneur muda.

Maklumat tambahan

1. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menjamin penghasilan makanan haiwan yang berkualiti dan selamat setanding dengan piawaian luar negara melalui penguatkuasaan Akta Makanan Haiwan 2009. Ini akan menggalakkan pengeksporan makanan haiwan ke serata dunia.
2. Selain itu , DVS juga membantu didalam pengeksporan makanan haiwan melalui dokumen sokongan seperti “free sale certificate” atau “certificate of origin” atau “health certificate” yang merupakan salah satu dokumen penting yang diperlukan di luar negara.
3. Terdapat 50 buah kilang makanan ternakan di Malaysia dengan pengeluaran sebanyak 380 Metrik Tan sebulan.
4. Sejumlah 70-80% bahan mentah seperti jagung dan kacang soya diimport dan 20-30% bahan tempatan seperti *palm kernel cake* (PKC) dan lain-lain.